

PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

2025-2030



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN





**“Pelan Strategik
KPKM 2025-2030 (PSKPKM)
menetapkan hala tuju,
visi dan misi bagi mencapai
matlamat KPKM dalam
merealisasikan DAN 2.0,
ke arah memperkukuh
keterjaminan makanan negara.”**

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan





Pelan Strategik

**Kementerian Pertanian
dan Keterjaminan
Makanan**

2025 – 2030



PERUTUSAN

1	YB Menteri	4
	Pertanian dan Keterjaminan Makanan	
2	Ketua Setiausaha	6
	Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	

RINGKASAN EKSEKUTIF

8



AKRONIM DAN SINGKATAN

10

PROFIL KORPORAT

13

1.1	Sejarah dan Latar Belakang	14
1.2	Visi, Misi dan Nilai Bersama	17
1.3	Senarai Akta	18
1.4	Pemegang Taruh	19
1.4.1	Pihak Berkepentingan	19
1.4.2	Pelanggan	19
1.4.3	Rakan Strategik	19
1.5	Struktur Organisasi	20
1.5.1	Carta Organisasi	20
1.5.2	Bahagian dan Unit	22
1.5.3	Jabatan dan Agensi	24
1.5.4	Pejabat Perwakilan Pertanian Luar Negara	26



ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN

27

2.1 Evolusi Dasar Pertanian Negara	28
2.2 Isu dan Cabaran Sektor Agromakanan	29
2.3 Pencapaian Sektor Agromakanan	31

HALA TUJU STRATEGIK

33

3.1 Kerangka Ekonomi Malaysia MADANI	34
3.2 Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025	34
3.3 Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0)	34
3.4 Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025	35
3.5 Agenda Pembangunan Mampan (SDG)	35
3.6 Program Inovasi Nasional Keterjaminan Makanan Rakyat (PINTAR)	35

TONGGAK STRATEGIK DAN STRATEGI PELAKSANAAN

37

PELAN TINDAKAN

41

MEKANISME PEMANTAUAN

65

PENUTUP

68

PERUTUSAN

YB Menteri

Pertanian dan
Keterjaminan Makanan

DATUK SERI HAJI MOHAMAD BIN SABU

**Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia Madani.**

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) berperanan memastikan keterjaminan bekalan makanan negara melalui penekanan kepada empat (4) dimensi iaitu Ketersediaan, Kebolehcapaian, Keselamatan Makanan dan Pemakanan serta Kestabilan dan Kemampunan seiring dengan aspirasi Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (PTDSMN).





“Kerajaan komited memastikan kestabilan bekalan makanan dalam negara menerusi inisiatif penyelidikan, inovasi dan teknologi yang dapat meningkatkan daya tahan serta daya saing sektor agromakanan di peringkat domestik dan antarabangsa.”

Pelan Strategik KPKM 2025-2030 (PSKPKM) menetapkan hala tuju, visi dan misi bagi mencapai matlamat KPKM dalam merealisasikan DAN 2.0, ke arah memperkukuh keterjaminan makanan negara. Pemantauan keberkesanan setiap strategi dan program yang dilaksanakan dalam PSKPKM ini dapat membantu KPKM bertindak dengan pantas, cekap dan fleksibel bagi mendepani cabaran utama dan isu-isu semasa yang dihadapi sektor agromakanan negara.

Kerajaan komited memastikan kestabilan bekalan makanan dalam negara menerusi inisiatif penyelidikan, inovasi dan teknologi yang dapat meningkatkan daya tahan serta daya saing sektor agromakanan di peringkat domestik dan antarabangsa. Pelbagai strategi

dan tindakan jangka masa pendek, sederhana dan panjang telah dirangka bagi memastikan rakyat mempunyai akses kepada makanan yang cukup dan terjamin pada setiap masa.

PSKPKM ini perlu dijadikan sumber rujukan oleh warga KPKM untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan lebih cekap dan berkesan. Dalam hal ini, warga KPKM haruslah bekerjasama dengan semua pemegang taruh melalui pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI yang mengutamakan kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

PERUTUSAN

Ketua Setiausaha

Kementerian Pertanian
dan Keterjaminan Makanan

DATUK SERI ISHAM BIN ISHAK

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan
Salam Malaysia Madani,

Alhamdulillah, saya bersyukur kerana dengan izinNya, Pelan Strategik KPKM 2025-2030 (PSKPKM) berjaya diterbitkan melalui penglibatan semua Bahagian dan Unit di KPKM. Dokumen PSKPKM ini digubal dengan hasrat menjadi penggerak dalam mencapai matlamat dan agenda keterjaminan makanan negara yang telah digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).



“Saya yakin kejayaan pelaksanaan PSKPKM akan memberi manfaat dan kebaikan kepada semua pemegang taruh dalam memacu sektor agromakanan negara di sepanjang rantai nilai.”



PSKPKM ini telah dibangunkan secara kolektif bagi memastikan indikator dan sasaran program adalah jelas dan sistematik mengambil kira keperluan semasa termasuk kemajuan teknologi dan pendigitalan serta reformasi perkhidmatan awam. Sebanyak 4 tonggak, 15 strategi dan 97 pelan tindakan telah dihasilkan daripada sesi libat urus, merangkumi fungsi dan peranan setiap Bahagian dan Unit untuk dijadikan panduan oleh warga KPKM dalam mencapai hala tuju, visi dan misi Kementerian.

Saya menyeru seluruh warga KPKM untuk bersama-sama melaksanakan semua strategi yang telah dirangka dalam PSKPKM dengan efektif dan efisien berpandukan tatakelola yang berkuat kuasa. Saya yakin kejayaan

pelaksanaan PSKPKM akan memberi manfaat dan kebaikan kepada semua pemegang taruh dalam memacu sektor agromakanan negara di sepanjang rantai nilai.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua warga KPKM atas kerjasama dan komitmen padu dalam menjayakan penerbitan dokumen PSKPKM.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2025-2030 (PSKPKM) merupakan dokumen hala tuju yang dihasilkan sebagai rujukan warga KPKM dalam melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif yang menyokong agenda keterjaminan makanan bagi mendepani cabaran dan isu-isu semasa yang dihadapi sektor agromakanan negara. PSKPKM ini juga akan menjadi panduan kepada warga KPKM bagi memperkemas tatakelola, meningkatkan penggunaan teknologi terkini dan mengadaptasi piawaian amalan terbaik untuk memenuhi kehendak pemegang taruh yang merangkumi organisasi, industri dan juga rakyat.

PSKPKM dibangunkan dengan mengambil kira aspirasi, dasar semasa dan hala tuju peringkat nasional yang digariskan dalam Kerangka Ekonomi Malaysia MADANI, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kedua Belas dan Sustainable Development Goals (SDG) yang berkaitan sektor agromakanan selain dasar dan program utama KPKM iaitu Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0), Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 (PTDSMN) dan Konsep Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat (PINTAR). Fokus utama yang ditetapkan dalam amanat tahunan YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan juga dijadikan asas dalam perancangan dan pelaksanaan jangka masa pendek, sederhana dan panjang.

Penekanan kepada pembudayaan inovasi dan perekayasaan secara komprehensif dalam semua aspek di sepanjang rantai nilai sektor agromakanan bagi meningkatkan produktiviti dan kemampuan sektor agromakanan negara diterapkan melalui enam (6) teras strategik PINTAR iaitu:



Secara keseluruhan, terdapat 4 tonggak, 15 strategi dan 97 pelan tindakan PSKPKM bagi tempoh 2025 hingga 2030. 4 tonggak yang telah digariskan adalah seperti berikut:



Pemantauan berkala di peringkat pengurusan tertinggi KPKM akan dilaksanakan supaya semua elemen tersebut mencapai prestasi yang disasarkan. PSKPKM ini juga wajar menjadi pendorong kepada warga KPKM ke arah menambah baik peranan KPKM sebagai peneraju kemajuan sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

AKRONIM DAN SINGKATAN

A

AB	Bahagian Antarabangsa
ABMS	<i>Anti Bribery Management System</i>
AFTA	<i>ASEAN Free Trade Area</i>
AGROBANK	Bank Pertanian Malaysia Berhad
ANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
APC	Anugerah Pekerja Cemerlang
APEC	<i>Asia-Pacific Economic Cooperation</i>
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara

B

BA	Bahagian Akaun
BDI	Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan
BDPS	Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik
BIMAT	Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani
BKEW	Bahagian Kewangan
BPD	Bahagian Perkhidmatan Digital
BPEM	Bahagian Pembangunan
BPIP	Bahagian Pembangunan Industri Padi
BPKLP	Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian
BPM	Bank Pertanian Malaysia
BPP	Bahagian Pemodenan Pertanian
BPSM	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
BPSP	Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian
BPT	Program Intervensi Pengedaran Beras Putih Tempatan
BSM	Bahagian Sekuriti Makanan
BT	Bahagian Pentadbiran

C

CUP	Program Geran Pematangan <i>Change Upgrade Product</i>
------------	--

D

DAN 2.0	Dasar Agromakanan Negara 2021-2030
DDMS	Sistem Pengurusan Dokumen Digital
DE	Peruntukan Pembangunan
DOA	Jabatan Pertanian
DOF	Jabatan Perikanan Malaysia
DVS	Jabatan Perkhidmatan Veterinar

E	EBN EFTA EMC EU	Sarang Burung Walit / <i>Edible Bird Nest</i> <i>European Free Trade Association</i> <i>Export Management Company</i> <i>European Union</i>
F	FAMA FAO	Lembaga Pemasaran Pertanian Malaysia <i>Food and Agriculture Organisation</i>
G	GCC GLC	<i>Gulf Cooperation Council</i> Syarikat Berkaitan Kerajaan
H	HGHV HIP	<i>High Growth High Value</i> Program Geran Pemadanan <i>High Impact Product</i>
I	IADA IADP ICT INTAN IUU	Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Teknologi Maklumat dan Komunikasi Inisiatif Usahawan Tani <i>Illegal, Unreported and Unregulated</i>
J	JK-X JPS	Jawatankuasa Koordinasi Eksport Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia
K	KADA KPI KPKM	Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu Petunjuk Prestasi Utama / <i>Key Performance Indicator</i> Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
L	LKIM LPN LPNM LPP	Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia Lembaga Padi dan Beras Negara Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Lembaga Pertubuhan Peladang
M	MADA MAQIS MARDI MyKPA	Lembaga Kemajuan Pertanian Muda Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia Penandaarasan Kebangsaan Kumpulan Pengguna Air

N

NAHRIM
NGO
NOSS

Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Negara
Badan Bukan Kerajaan
National Occupational Skills Standard

P

PIKK
PINTAR
PKS
PPP
PSKPKM
PSP
PTDSMN
PTJ
PUSAT 3P
PUU

Program Insentif Kadar Kelahiran
Program Inovasi Nasional Keterjaminan Agromakanan Rakyat
Perusahaan Kecil dan Sederhana
Pejabat Perwakilan Pertanian
Pelan Strategik Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan
Pelan Strategik Pendigitalan
Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara
Pusat Tanggungjawab
Pusat Pemprosesan, Pembungkusan dan Pemasaran
Pejabat Penasihat Undang-undang

R

R&D&C&I
RMKe-12
RMKe-13

Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi
Rancangan Malaysia Kedua Belas
Rancangan Malaysia Ketiga Belas

S

SDG
SKU
SMART SBB
SME
SPS
SSR

Matlamat Pembangunan Mampan / *Sustainable Development Goals*
Stock Keeping Unit
Smart Sawah Berskala Besar
Small and Medium Enterprise
Sanitary and Phytosanitary
Kadar Sara Diri

T

TKPM
TVET

Taman Kekal Pengeluaran Makanan
Program Latihan dan Kursus Upskilling/ Reskilling

U


UAD
UI
UKK

Unit Audit Dalam
Unit Integriti
Unit Komunikasi Korporat

W

WIM
WPUA
WTO


Bahan Pengajaran Bertulis
Waran Perjalanan Udara Awam
World Trade Organisation



PROFIL KORPORAT

1.1 SEJARAH DAN LATAR BELAKANG







1.2

VISI, MISI DAN NILAI BERSAMA



Visi

Peneraju Kemajuan Sektor Pertanian dan Keterjaminan Makanan Negara



Misi

Memperkasa sektor pertanian supaya berdaya tahan dan mampan bagi memacu pertumbuhan ekonomi, meningkatkan kesejahteraan rakyat dan memperkukuh keterjaminan makanan

Nilai Bersama

P	PROFESIONAL	Menjalankan tugas dengan cekap, teratur dan mahir
E	EMPATI	Memahami situasi dalam bidang kerja, rakan sejawat dan warga
R	RESPONSIF	Menyegerakan tindakan dan memberikan kerjasama yang baik
T	TELUS	Melaksanakan setiap tindakan dan keputusan dengan telus
A	AKAUNTABILITI	Mempunyai sikap bertanggungjawab
N	NEUTRAL	Mencurahkan taat setia dan berkhidmat untuk kerajaan yang memerintah
I	INTEGRITI DAN INKLUSIF	Mengutamakan integriti sepanjang masa dan amalan nilai yang menyeluruh
A	AMANAH DAN ADIL	Menyemai jiwa yang murni, berniat baik dan saksama
N	NEKAD	Mempunyai kemahuan yang kuat dan cekal hati dalam memberikan perkhidmatan

1.3

SENARAI AKTA

1

Bahagian Pembangunan Industri Padi, KPKM

- Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522]

2

Jabatan Pertanian (DOA)

- Akta Racun Makhluk Perosak 1974 [Akta 149]
- Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 [Akta 167]
- Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 [Akta 634]

3

Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

- Akta Binatang 1953 [Akta 647]
- Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147]
- Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaan) 1993 [Akta 507]
- Akta Makanan Haiwan 2009 [Akta 698]
- Akta Kebajikan Haiwan 2015 [Akta 772]

4

Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)

- Akta Perikanan 1985 [Akta 317]

5

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

- Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728]

6

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

- Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 [Akta 17]

7

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

- Akta Lembaga Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 110]
- Akta Pertubuhan Peladang 1973 [Akta 109]

8

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

- Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 [Akta 141]

9

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

- Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971 [Akta 49]
- Akta Persatuan Nelayan 1971 [Akta 44]

10

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

- Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Muda 1972 [Akta 70]

11

Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

- Akta Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu 1972 [Akta 69]

12

Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)

- Akta Perindustrian Nanas 1957 [Akta 427]

13

Bank Pertanian Malaysia Berhad (AGROBANK)

- Akta Bank Pertanian Malaysia Berhad 2008 [Akta 684]

1.4

PEMEGANG TARUH

**Pihak Berkepentingan**

1. Perdana Menteri
2. Jemaah Menteri
3. Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan
4. Ahli Parlimen
5. Ketua Setiausaha Negara

**Pelanggan**

1. Petani
2. Penternak
3. Nelayan
4. Pesawah
5. Usahawan Agromakanan
6. Pemain Industri
7. Pelatih Institut Pertanian
8. Orang Awam

**Rakan Strategik**

1. Kementerian/ Jabatan/ Agensi
2. Kerajaan Negeri
3. Agensi Kerajaan Negeri
4. Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC)
5. Badan Bukan Kerajaan (NGO)
6. Badan Antarabangsa
7. Pelabur
8. Media
9. Ahli Akademik
10. Sektor Swasta



1.5 STRUKTUR ORGANISASI

1.5.1 Carta Organisasi



**MENTERI**

YB Datuk Seri Haji Mohamad bin Sabu

**TIMBALAN MENTERI**YB Datuk Arthur
Joseph Kurup**KETUA SETIAUSAHA**

Datuk Seri Isham bin Ishak

**TIMBALAN KETUA
SETIAUSAHA (DASAR)**Datuk Azah Hanim
binti Ahmad**SETIAUSAHA
BAHAGIAN KANAN
(PENGURUSAN)**Puan Norahiza
binti Abdul Rahman**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN DASAR
& PERANCANGAN
STRATEGIK**Encik Shahril Faizal
bin Abdul Jani**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN
PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA**Puan Hidayatul Shuhaida
binti Kamarudin**PENASIHAT UNDANG-UNDANG****PEJABAT PENASIHAT
UNDANG-UNDANG**Encik Mohd Mazran
bin Dato' Mohamad Mazlan**PENGARAH****BAHAGIAN
PEMBANGUNAN KAPASITI
& LATIHAN PERTANIAN**Puan Hizatul Haliza
binti Hashim**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN
KEWANGAN**Puan Misjijah
binti Marul**KETUA UNIT****UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT**Encik Mohammad Ezri
bin Shamsuddin**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN
ANTARABANGSA**Puan Siti Salwahanim
binti Mohd Nazir**KETUA AKAUNTAN****BAHAGIAN
AKAUN**Puan Hawariah
binti Idris**KETUA UNIT****UNIT AUDIT DALAM**Dr. Hairul Nizam
bin Yusoff**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN
PEMBANGUNAN
PERNIAGAAN DAN
PELABURAN**

Encik Khalid bin Ibrahim

**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN
PENGURUSAN MAKLUMAT**Puan Fadlilahton
binti Ismail**KETUA UNIT****UNIT INTEGRITI**Puan Salwa
binti Muharam**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN PEMODENAN
PERTANIAN**Encik Azwa Affendi
bin Bakhtiar**SETIAUSAHA BAHAGIAN****BAHAGIAN
PENTADBIRAN**Puan Azura
binti Abdullah

1.5.2

Bahagian dan Unit

SEKTOR PEMBANGUNAN

1 Bahagian Sekuriti Makanan

Menggubal, mengemaskini serta memantau dasar dan strategi berkaitan dengan industri tanaman, ternakan dan perikanan.

2 Bahagian Pembangunan Industri Padi

Menggubal dasar dan polisi industri padi dan beras negara, menyelaras pengurusan subsidi dan insentif berkaitan serta menguatkuasa undang-undang berkaitan Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 [Akta 522] dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

3 Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani

Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar dan program usahawan industri hiliran bagi industri tanaman, ternakan, perikanan, kulinari dan agropelancongan.

4 Bahagian Pembangunan

Menyelaras dan memantau bajet serta pelaksanaan projek pembangunan di Bahagian/ Jabatan/ Agensi.

5 Bahagian Pengairan dan Saliran Pertanian

Merancang, melaksana dan menilai program/ projek pembangunan infrastruktur pengairan dan saliran pertanian.

SEKTOR DASAR

1 Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik

Menggubal, menyelaras dan menetapkan hala tuju bagi isu, dasar dan data berkaitan sektor pertanian dan keterjaminan makanan negara.

2 Bahagian Pembangunan Kapasiti dan Latihan Pertanian

Merancang dan menyelaras pelaksanaan program latihan TVET Pertanian dan kursus yang dilaksanakan oleh Jabatan dan Agensi di bawah KPKM

3 Bahagian Antarabangsa

Menyelaras hubungan antarabangsa dan program kerjasama teknikal dengan negara/ organisasi luar di peringkat dua hala, serantau dan pelbagai hala dalam bidang agromakanan.

4 Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pelaburan

Merancang, menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar serta program berkaitan pembangunan perniagaan dan pelaburan dalam bidang pertanian & agromakanan di sepanjang rantai nilai pemasaran yang merangkumi aktiviti promosi, pemasaran, fasilitasi import/ eksport dan insentif pasca tuai serta menyelaras dan memantau pelaksanaan dasar serta program berkaitan projek-projek penswastan Kementerian

5 Bahagian Pemodenan Pertanian

Merancang, menyelaras, memantau dan menilai dasar serta program berkaitan pemodenan dan inovasi pertanian.

SEKTOR PENGURUSAN



1 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia

Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan urusan berkaitan pembangunan organisasi dan sumber manusia.

2 Bahagian Kewangan

Merancang dan memantau urusan berkaitan bajet, kewangan dan perolehan organisasi.

3 Bahagian Akaun

Merancang, memantau dan melaksanakan pengurusan perakaunan terimaan, bayaran, aset, deposit & liabiliti Kementerian; dan menyediakan Penyata Kewangan Kementerian bulanan dan tahunan.

4 Bahagian Perkhidmatan Digital

Merancang, membangunkan dan menyelaraskan pengurusan strategik ICT/ pendigitalan termasuk dasar-dasar, pekeliling dan peraturan ICT.

5 Bahagian Pentadbiran

Menyediakan khidmat sokongan dari segi pengurusan pentadbiran kepada Bahagian/ Jabatan/ Agensi.

UNIT-UNIT DI BAWAH KETUA SETIAUSAHA



1 Pejabat Penasihat Undang-Undang

Menyediakan perkhidmatan perundangan kepada Bahagian/ Jabatan/ Agensi.

2 Unit Audit Dalam

Melaksanakan audit pengurusan kewangan merangkumi pemeriksaan terhadap sistem kewangan, kawalan dalaman dan rekod kewangan.

3 Unit Integriti

Melaksanakan urusan berkaitan pengukuhan integriti organisasi dari segi tatatertib, pengurusan aduan, pematuhan dan tadbir urus.

4 Unit Komunikasi Korporat

Merancang, menyelaraskan dan melaksanakan program perhubungan awam dan publisiti organisasi.



1.5.3 Jabatan dan Agensi

1 Jabatan Pertanian (DOA)

Menyediakan perkhidmatan perundingan, sokongan teknikal dan khidmat nasihat dalam pelbagai bidang tanaman khususnya tanaman makanan dan industri hiliran bagi meningkatkan pengeluaran makanan untuk keperluan negara.



2 Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS)

Menyediakan perkhidmatan veterinar yang berkualiti bagi menjamin kepentingan kesihatan awam dan industri haiwan yang mampan.



3 Jabatan Perikanan Malaysia (DOF)

Mengurus dan membangunkan sektor perikanan negara secara mampan, dinamik dan berdaya saing berasaskan maklumat saintifik dan perkhidmatan berkualiti.



4 Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS)

Menyediakan perkhidmatan bersepadu berkaitan kuarantin, pemeriksaan dan penguatkuasaan di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis kuarantin dan pemerakuan bagi import dan eksport tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian, tanah dan mikroorganisma.



5 Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Melaksanakan penyelidikan sains, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan pengeluaran, penggunaan dan pemprosesan segala tanaman (kecuali getah, kelapa sawit dan koko), ternakan dan makanan.



6 Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

Menggalakkan, mempergiatkan dan mengusahakan kemajuan ekonomi dan sosial Pertubuhan Peladang dan ahli-ahli di bawahnya.



7 Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)

Menyelaras aktiviti pemasaran pertanian sama ada yang melibatkan pihak swasta atau Jabatan/ Agensi kerajaan.



8 Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)

Meningkatkan kedudukan sosioekonomi nelayan dengan penumpuan kepada peningkatan pengeluaran dan pendapatan serta membangunkan rangkaian pemasaran yang cekap bagi sektor perikanan dan produktiviti perikanan.



9 Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

Merancang dan mengusahakan kawasan Muda supaya meningkatkan hasil pengeluaran padi untuk meningkatkan pendapatan golongan sasaran.



10 Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)

Memberi perkhidmatan yang berkualiti, cekap dan berkesan dalam bidang sumber bekalan air, pengurusan sistem pengairan dan saliran serta penggunaan teknologi pertanian melalui kaedah pembangunan bersepadu di kawasan Kemubu untuk meningkatkan hasil pengeluaran padi dan meningkatkan taraf sosioekonomi golongan sasaran.



11 Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM)

Menyediakan perkhidmatan dan nasihat khusus untuk menggalakkan peningkatan produktiviti ladang dan pemasaran nanas serta produk asas tani yang diproses daripada nanas.



12 Bank Pertanian Malaysia Berhad (AGROBANK)

Menyediakan perkhidmatan pembiayaan kepada usahawan mikro, PKS dan korporat dalam perusahaan bidang pertanian dan agromakanan.



13 Taman Botani Negara Shah Alam

Menjadi pusat kecemerlangan negara dalam bidang pendidikan, penyelidikan saintifik dan pemuliharaan bagi pembangunan botani dan hortikultur di samping mewujudkan peluang-peluang aktiviti rekreasi kepada masyarakat dengan taman yang menarik dalam persekitaran semula jadi.



14 Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA)

Menggunakan pendekatan pembangunan kawasan secara "in-situ" bagi meningkatkan taraf sosio-ekonomi petani dalam kawasan IADA. Terdapat 12 buah IADA di seluruh negara, di mana 10 IADA menumpukan kepada tanaman padi, manakala 2 buah IADA berfokus kepada tanaman selain padi seperti berikut:

1. IADA Barat Laut Selangor, Selangor (Padi)
2. IADA Batang Lupar, Sarawak (Padi)
3. IADA Kemasin Semerak, Kelantan (Padi)
4. IADA Kerian, Perak (Padi)
5. IADA KETARA, Terengganu (Padi)
6. IADA Kota Belud, Sabah (Padi)
7. IADA Pekan, Pahang (Padi)
8. IADA Pulau Pinang, Pulau Pinang (Padi)
9. IADA Rompin, Pahang (Padi)
10. IADA Seberang Perak, Perak (Padi)
11. IADA Kalaka Saribas, Sarawak (Tanaman Selain Padi)
12. IADA Samarahan, Sarawak (Tanaman Selain Padi)

15 Kolej Pertanian

Meningkatkan pengeluaran pertanian melalui model pembangunan insan mahir dalam bidang pertanian.

1. Kolej Pertanian Malaysia, Bukit Kayu Hitam, Kedah
2. Institut Pertanian Serdang, Selangor
3. Kolej Perikanan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, Lumut, Perak
4. Institut Pertanian Ayer Hitam, Johor
5. Institut Veterinar Malaysia, Kluang, Johor
6. Institut Teknologi Unggas, Masjid Tanah, Melaka
7. MADA Rice Training Centre, Alor Setar, Kedah
8. Institut Pertanian Sarawak, Semongok, Sarawak
9. Akademi Perikanan Malaysia, Chendering, Terengganu
10. Institut Pertanian Titi Gantong, Bota, Perak
11. Institut Pertanian Bumbung Lima, Seberang Perai, Pulau Pinang
12. Institut Pertanian Kuala Lipis, Pahang
13. Pusat Bertauliah MARDI, Serdang, Selangor
14. Institut Latihan FAMA Kota Bharu, Kelantan
15. Pusat Latihan Mekanisasi dan Automasi Peladang Panji, Kelantan
16. Institut Pertanian Sabah Timbang Menggaris, Kota Belud, Sabah (dalam proses pentauliahkan untuk Sijil Kemahiran Malaysia)


1.5.4

Pejabat Perwakilan Pertanian Luar Negara



Fungsi dan peranan:

- (i) Memperkukuh pasaran sedia ada serta meneroka akses pasaran baharu (biosekuriti, langkah keselamatan makanan, SPS, kesihatan veterinar, keperluan import dan langkah-langkah bukan tarif lain);
- (ii) Melaksanakan risikan pasaran;
- (iii) Menggalakkan pertukaran teknikal, pemindahan teknologi, serta kerjasama dan diplomasi pelaburan;
- (iv) Meningkatkan permintaan pasaran/ perdagangan melalui program pemasaran dan promosi;
- (v) Memberikan pandangan bagi pembangunan dasar dua hala (bilateral) dan pelbagai hala (multilateral);
- (vi) Memudah cara dan fasilitasi perdagangan pertanian dan makanan antara negara; dan
- (vii) Memperkukuh rangkaian diplomatik dan perniagaan.



ANALISIS SENARIO PERSEKITARAN

2.1

EVOLUSI DASAR PERTANIAN NEGARA




**Dasar Pertanian Negara Pertama
(DPN1) 1984-1991**

Membangunkan sektor pertanian berorientasikan eksport dengan penekanan kepada infrastruktur tanaman komoditi/ ladang seperti kelapa sawit, koko dan getah.



**Dasar Pertanian Negara Kedua
(DPN2) 1992-1997**

Meningkatkan aspek produktiviti serta meningkatkan keluasan tanaman kelapa sawit dan pembangunan industri asas tani dalam senario globalisasi dan liberalisasi perdagangan melalui WTO, APEC dan AFTA.



**Dasar Pertanian Negara
Ketiga (DPN3) 1998-2010**

Meningkatkan pendapatan pengusaha/ pekebun kecil melalui peningkatan daya pengeluaran serta mutu komoditi yang berpotensi besar untuk dieksport atau berupa bahan gantian import termasuk komoditi agromakanan serta pengembangan aktiviti pemprosesan berasaskan pertanian.



**Dasar Agromakanan
Negara (DAN) 2011-2020**

Menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat dimakan, menjadikan industri agromakanan sebagai industri yang berdaya saing dan mampan serta meningkatkan tahap pendapatan usahawan tani.



**Dasar Agromakanan
Negara 2021-2030
(DAN 2.0)**

Membangunkan sektor agromakanan sebagai suatu industri yang mampan, berdaya tahan dan berteknologi tinggi yang dapat memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat serta mengutamakan sekuriti dan nutrisi makanan.

2.2

ISU DAN CABARAN SEKTOR AGROMAKANAN

Pertambahan Penduduk

1

Populasi Malaysia dianggarkan mencecah 36.5 juta orang pada tahun 2030 dengan peningkatan tahunan sebanyak 1.1%. Pertambahan penduduk dijangka akan menyebabkan permintaan terhadap makanan terus meningkat. Penghasilan bahan makanan dalam negara seperti beras, daging lembu dan sayur-sayuran tidak dapat menampung permintaan domestik dan dijangka akan mengakibatkan import bahan makanan terus meningkat jika isu pengeluaran ini tidak ditangani.



Perubahan Iklim

2

Perubahan iklim akan terus menjadi ancaman utama kepada sektor pertanian dan menjejaskan produktiviti hasil. Guna tanah dan amalan pertanian tidak mampan, penebangan hutan secara berleluasa dan penggunaan baja secara berlebihan akan meningkatkan pendedahan kepada bencana berkaitan iklim. Bencana alam yang kerap seperti kemarau dan banjir boleh menyebabkan kerosakan yang teruk kepada tanaman dan ladang ternakan serta merugikan petani.



Penyebaran Penyakit dan Serangan Makhluk Perosak

3

Masalah serangan penyakit dan makhluk perosak merupakan antara cabaran besar dalam sektor pertanian yang boleh menjejaskan hasil tanaman dan pendapatan petani. Serangan ini melibatkan pelbagai jenis serangga perosak seperti lalat buah, ulat, dan kutu, serta penyakit tanaman seperti kulat, virus, dan bakteria yang boleh merosakkan pokok dan tanaman secara drastik. Penyebaran penyakit dan serangan makhluk perosak yang cepat sering kali berlaku akibat perubahan iklim, amalan pertanian yang tidak mampan, serta kekurangan kawalan yang berkesan. Permasalahan ini bukan sahaja mengurangkan kuantiti dan kualiti hasil pertanian, malah turut meningkatkan kos pengeluaran, yang seterusnya menjejaskan keselamatan makanan dan ekonomi negara.



Persaingan Penggunaan Tanah Pertanian

4

Sektor agromakanan di Malaysia masih lagi diusahakan secara konvensional dan bergantung kepada pertambahan guna tanah untuk meningkatkan hasil pertanian. Dalam hubungan ini, sektor agromakanan terus terkesan akibat persaingan penggunaan tanah untuk tujuan urbanisasi seperti pembangunan kawasan industri, rumah kediaman atau bangunan komersial di atas tanah pertanian. Keadaan ini menyebabkan keluasan tanah pertanian sedia ada semakin berkurang dan seterusnya mengakibatkan produktiviti pertanian berkembang perlahan. Di samping itu, sektor agromakanan juga terdedah kepada cabaran perubahan iklim dan ketidakstabilan harga komoditi pasaran dunia.



Persepsi Guna Tenaga dan Produktiviti Buruh

5

Masyarakat umumnya mempunyai persepsi bahawa sektor pertanian adalah bidang yang dikelaskan sebagai 3D (*Dangerous, Dirty, Difficult*). Selain tidak memberikan pulangan dan pendapatan yang lumayan, kebanyakan petani juga masih tergolong di bawah kategori kumpulan berpendapatan 40 peratus ke bawah (Kumpulan B40) yang bergantung kepada bantuan sara hidup dan insentif pertanian yang disediakan oleh Kerajaan. Situasi ini mengakibatkan golongan belia mempunyai tanggapan bahawa sektor pertanian tidak memberi jaminan kehidupan yang berkualiti dan menyebabkan sektor ini masih bergantung kepada golongan berumur bagi meneruskan aktiviti pertanian.



Penggunaan Teknologi

6

Penggunaan teknologi penting dalam meningkatkan produktiviti, mengurangkan kos pengeluaran dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga buruh. Walau bagaimanapun, penggunaan teknologi dalam sektor agromakanan masih belum meluas. Faktor utama yang menghalang penggunaan teknologi termasuk kos perolehan teknologi yang tinggi dan petani masih selesa dengan kaedah konvensional. Meskipun terdapat penyelidikan dilaksanakan namun pengkomersialan dan pemindahan teknologi kepada kumpulan sasaran masih berada pada tahap yang rendah.



Pelaburan dan Pembiayaan

7

Sektor agromakanan merupakan sektor yang berpotensi untuk menarik pelaburan daripada pihak swasta. Namun, sektor ini juga berisiko tinggi, kadar pulangan yang rendah dan kos pengeluaran yang tinggi menyebabkan pihak pelabur dan pembiaya membuat pertimbangan yang teliti sebelum pelaburan dibuat. Sokongan dan bantuan daripada pihak Kerajaan diperlukan bagi merencanakan pelaburan dalam sektor ini.



Pemasaran Agromakanan

8

Pemasaran produk agromakanan adalah antara aspek penting dalam rantai nilai agromakanan bagi membantu petani mendapat pulangan yang setimpal. Maklumat pasaran yang terhad serta manipulasi orang tengah yang melampau turut memberi kesan kepada petani. Kemudahan infrastruktur seperti pusat pengumpulan dan pengedaran yang terhad serta kurangnya promosi dan akses pasaran baharu menyukarkan pemasaran terutamanya ketika berlaku lambakan.



Penguatkuasaan Tadbir Urus

9

Kecekapan tadbir urus dan sistem penyampaian perkhidmatan masih memerlukan tambah baik dalam usaha memastikan pembangunan sektor agromakanan yang berdaya saing. Kementerian bersama agensi perlu memainkan peranan dan fungsi sewajarnya berdasarkan hala tuju dan matlamat yang telah digariskan. Kerjasama di antara agensi perlu diperkasa bagi memastikan perkhidmatan dapat disampaikan dengan cekap.



2.2

PENCAPAIAN SEKTOR AGROMAKANAN

2.3.1

Global Food Security Index (GFSI)

Global Food Security Index (GFSI) merupakan indikator pengukuran keterjaminan makanan yang dikeluarkan oleh *Economist Impact* (EI). GFSI dinilai berdasarkan empat (4) kategori iaitu Affordability, Availability, Quality and Safety serta Sustainability and Adaptation.

Berdasarkan laporan GFSI 2022, Malaysia berada di kedudukan ke-41 daripada 113 buah negara dengan skor 69.9. Analisis mengikut kategori dan skor tertinggi adalah seperti berikut:

Kategori	Skor	Kedudukan
<i>Affordability</i>	87.0	30
<i>Quality and Safety</i>	74.7	38
<i>Availability</i>	59.5	56
<i>Sustainability and Adaptation</i>	53.7	57


Secara keseluruhan, Malaysia berada di kedudukan kedua terbaik dalam kalangan negara Asia Tenggara selepas Singapura, dan kelapan dalam kalangan negara Asia Pasifik.

Kedudukan GFSI 2022 Asia Tenggara & Asia Pasifik			
Asia Tenggara		Skor	
Singapura		73.1	
Malaysia		69.9	
Vietnam		67.9	
Indonesia		60.2	
Thailand		60.1	
Filipina		59.3	
Myanmar		57.6	
Kemboja		55.7	
Laos		53.1	
Brunei	TB*		
Asia Pasifik		Skor	
Jepun		79.2	
New Zealand		77.8	
Australia		75.4	
China		74.2	
Singapura		73.1	
Kazakhstan		72.1	
Korea Selatan		70.2	
Malaysia		69.9	
Vietnam		67.9	
Indonesia		60.2	

* TB - Tidak berkenaan. Brunei tidak termasuk dalam senarai 113 negara yang dinilai.

2.3.2 Kadar Sara Diri (SSR)

**Kadar Sara Diri (SSR) bagi Enam (6) Komoditi Utama
Untuk Tempoh 2020 hingga 2023 & Sasaran DAN 2.0 (2025-2030)**




Panduan:



